

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Cukai minuman bergula

Kaji keberkesanan selepas dua tahun pelaksanaan

Kuala Lumpur: Kerajaan berancang menjalankan kajian keberkesanan pelaksanaan cukai atau luti eksais minuman bergula selepas dua tahun pelaksanaannya pada 2021.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata kajian bagi melihat keberkesanan pengenalan cukai itu dalam mengubah tabiat pemakanan rakyat Malaysia akan dilaksanakan dengan kerjasama Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) Malaysia.

Ketika ini, kesan pelaksanaan cukai itu dapat dilihat kepada umusan semula kandungan gula dalam produk minuman oleh

syarikat pengeluar minuman.

"Berdasarkan data terkini, sebanyak 17 syarikat pengeluar minuman membuat reformulasi (rumusan semula) meliputi 83 jenis produk minuman manis," katanya menjawab soalan Nurul Izzah Anwar (PH-Permatang Pauh) pada persidangan Dewan Rakyat, semalam.

Nurul Izzah ingin mengetahui pelan holistik kementerian ke arah mengurangkan penghidap obesiti dan keberkesanan pengenalan cukai gula terhadap golongan sasaran sejak 1 Julai lalu, dalam mengubah tabiat pemakanan serta penyerapan hasil cukai ke dalam biaya program makanan

percuma di sekolah.

Pada 1 Julai lalu, kerajaan mula melaksanakan cukai minuman bergula iaitu duti eksais sebanyak 40 sen seliter ke atas minuman manis yang mengandungi gula atau pemanis berasaskan gula melebihi lima gram bagi setiap 100 mililiter.

Dzulkefly berkata, Jawatankuasa Menangani Masalah Obesiti sudah ditubuhkan dan 48 dasar sudah digariskan untuk dilaksanakan secara berperingkat dalam tempoh 10 tahun (2016-2025) termasuk cukai minuman bergula.

Malaysia berada pada kedudukan teratas dari segi kegemukan



Dzulkefly Ahmad

di seluruh Asia dan kedua tertinggi bagi obesiti kanak-kanak dalam kalangan negara ASEAN bagi usia lima hingga 19 tahun

"Beberapa pelan tindakan jangka panjang dibentuk bagi menangani masalah membeleggu iaitu Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia III (2016-2025), Pelan Strategik Kebangsaan untuk Penyakit Tidak Berjangkit (2016-2025) dan Pelan Strategik Aktiviti Fizikal Kebangsaan (2017-2025)," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 54

RUANGAN : NASIONAL

Kerajaan fokus isu alam sekitar kajian RMKe-11



Dr Boon Chye melawat pameran sempena Perasmian Persidangan Pengurusan Kecederaan Bencana Kebangsaan Pertama 2019 di Port Dickson, semalam.
(Foto Iqmal Haqim Rosman/BH)

Port Dickson: Malaysia akan terus memberi penekanan terhadap isu alam sekitar dalam kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) bagi mengurangkan risiko bencana.

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye, berkata walaupun daripada segi geografi Malaysia terlindung dari bencana berskala besar kerana terletak di luar zon taufan dan lingkungan lingkaran api, negara ini masih mengalami bencana alam yang berpunca daripada aktiviti manusia.

Katanya, ia terdiri daripada masalah banjir, tanah dan bangunan runtuh, kebakaran, kemarau serta pencemaran bahan kimia.

"Berdasarkan Indeks Pengurusan Risiko (INFORM) 2019, negara ini mempunyai risiko bahaya dan pendedahan pada skala 3.4 daripada 10.

"Malah, Malaysia juga mencatatkan peratusan tertinggi penduduk yang terdedah kepada banjir antara negara ASEAN bagi tempoh Julai hingga Januari 2019," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Persidangan Pengurusan Kecederaan Bencana Kebangsaan Pertama 2019, di sini, semalam.

Dr Boon Chye berkata, antara tempoh 1998 hingga 2018, kira-kira tiga juta orang menjadi mangsa pelbagai bencana di Malaysia.

"Ini merangkumi 281 kematian, manakala impak ekonomi akibat kerosakan dianggarkan sebanyak RM8 bilion.

"Ini menunjukkan bencana yang berpunca daripada kegiatan manusia boleh menyebabkan ramai menderita dan mengganggu

Antara tempoh 1998 hingga 2018, kira-kira tiga juta orang menjadi mangsa pelbagai bencana di Malaysia.

Dr Lee Boon Chye, Timbalan Menteri Kesihatan

ekonomi serta produktiviti negara," katanya.

Beliau berkata, kerajaan kini berusaha meningkatkan pemahaman risiko bahaya semula jadi dan bencana menerusi penambahbaikan profil risiko bagi mengurangkan pendedahan terhadap orang ramai, harta benda, persekitaran dan ekonomi terhadap bencana.

"Oleh itu, pengurusan risiko bencana termasuk usaha pengurangan risiko akan ditingkatkan dengan meningkatkan integrasi inisiatif *Disaster Risk Reduction*, memperkuatkan kesiapsiagaan bencana dan meningkatkan kapasiti dalam tindak balas bencana," katanya.

Terdahulu, persidangan tiga hari yang bermula semalam dan disertai seramai 250 peserta bertujuan memperkasa kualiti perkhidmatan penjagaan kecederaan.

Selain itu, ia menumpukan elemen keselamatan, pengurusan bencana dan penjagaan kecederaan khusus dalam keadaan bencana bagi mengurangkan risiko dan komplikasi.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : LOKAL

SKIM PEDULI KESIHATAN UNTUK KUMPULAN B40

Cerita gembira tiga pesakit

Oleh Suliati Asri
suliati@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Insiden jatuh dari kerusi ketika berusia 12 tahun menjadi penyebab Ng Sau Wan, 58, menderita Dilateral Hip Osteoarthritis di usia lanjut hingga membataskan pergerakannya.

Sau Wan juga tidak tidur lena selama sembilan tahun kebelakangan ini kerana menanggung kesakitan yang tidak tergambar dengan kata-kata.

Penderitaannya kini berakhir selepas melakukan pembedahan memasukkan sendi pinggul tiruan primary total hip arthroplasty (hybrid).

Lebih menggembirakan Sau Wan kerana menerima bantuan Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (PeKa B40), sekali gus membolehkannya melakukan pembedahan dengan segera.

Kelegaan turut dirasai suaminya, Yee Ah Sang, 61, yang setia mememaninya termasuk sama-sama berjaga malam andai rasa sakit itu melanda.

Kata Sau Wan, sebelum ini dia enggan menjalani pembedahan dan sanggup menahan kesakitan kerana takut dengan sebarang kemungkinan yang akan berlaku selepas pembedahan di samping perlu melakukan dua pembedahan iaitu memasukkan serta mengeluarkan sendi pinggul tiruan.

"Kos pembedahan di hospital swasta yang mahal mencecah lebih RM30,000 sekitar sembilan tahun lalu juga menjadi sebab saya sanggup menanggung derita.

"Namun, selepas mengetahui mengenai PeKa B40, saya merujuk kepada doktor pakar di Hospital Shah Alam dan gembira boleh melakukan pembedahan sekali saja dan kos ditanggung oleh PeKa B40," katanya yang selesai menjalani pembedahan September lalu.

PeKa B40 adalah satu inisiatif kerajaan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang bertujuan menampung keperluan kesihatan golongan berpendapatan rendah dengan memberi fokus terhadap penyakit tidak berjangkit (NCD).

Ia ditawarkan kepada rakyat Malaysia yang berada dalam lingkungan pendapatan isi rumah 40 peratus terendah yang dikenali sebagai Kumpulan B40.

Ketua Komunikasi Strategik PeKa B40, Khairul Faizi Dalaail berkata, PeKa B40 memberikan empat manfaat iaitu saringan kesihatan percuma, bantuan alat perubatan, insentif melengkapkan rawatan kanser dan insentif



SAUDAH



SAU WAN



ZAINAB

tambang pengangkutan.

Katanya, terdapat 10 alat perubatan yang boleh dipohon iaitu stent untuk jantung, alat sendi tiruan, alat bantuan pendengaran, perentak jantung, prostesis dan implan untuk tulang belakang, prostesis dan ortosis tulang anggota, kanta mata intraocular untuk pesakit katarak, alat terapi pernafasan dan mesin oksigen, bantuan sokongan nutrisi serta kerusi roda yang diubah suai mengikut keadaan pesakit.

"Melalui manfaat bantuan alat perubatan, penerima akan menerima bantuan dengan had maksimum RM20,000 terhad kepada kategori tertentu di hospital KKM.

"Insentif melengkapkan rawa-



ZAINAB menerima manfaat PeKa B40 daripada wakil ProtectHealth Corporation.

tan kanser, sebanyak RM1,000 dibayar kepada pesakit yang melengkapkan rawatan di hospital KKM dan bayaran secara berperingkat bergantung kepada tahap rawatan manakala insentif tambang pengangkutan diberikan dengan had maksimum RM500 bagi Semenanjung serta RM1,000 untuk Sabah, Sarawak dan Labuan bagi setiap penyakit.

"Sau Wan menerima tiga manfaat terdiri daripada saringan kesihatan percuma, bantuan alat perubatan (sendi pinggul tiruan) bernilai RM7,000 dan insentif tambang pengangkutan berjumlah RM26 setakat ini," katanya.

Selain bersyukur dan gembira di atas pengakhiran derita yang dialaminya, Sau Wan menasihati mereka terutama golongan yang memerlukan permohonan PeKa B40 bagi meringankan beban terutama memabatkan kesihatan se-pertinya.

"Prosesnya mudah dan semuanya diuruskan oleh doktor yang merawat di hospital. Kini sakit yang saya tanggung selama ini sudah hilang. Kos pembedahan juga percuma," katanya.

Sementara itu, Sandah Ahmad, 68, mampu menarik nafas lega selepas dimaklumkan doktor di Hospital Shah Alam, yang beliau boleh memperoleh bantuan alat perubatan (sendi lutut tiruan) bernilai RM6,500.

"Sejak empat tahun lalu, saya sering sakit kaki, tetapi tidak mengambil berat hal itu kerana ia akan hilang apabila saya mengambil ubat tahan sakit.

"Tapi sakit yang dialami be-

nar-benar tidak dapat tertahan lagi hingga saya mengambil keputusan untuk berjumpa doktor di hospital dan ternyata hasil pemeriksaan x-ray menuntut saya untuk melakukan pembedahan," katanya.

Pada mulanya Saudah mahu melakukan pembedahan, tetapi kosnya mahal dan meminta cadangan doktor untuk rawatan alternatif termasuk suntikan gel pada lutut.

Katanya, ketika itulah doktor mencadangkan memohon PeKa B40 bagi meringankan beban.

"Doktor juga yang menguruskan segala-galanya dan proses kelulusannya juga sangat cepat, sekali gus membolehkan saya melakukan pembedahan dengan segera," katanya.

Saudah menerima dua manfaat iaitu saringan kesihatan percuma serta bantuan alat perubatan bernilai RM6,500 dan kini menerima manfaat ketiga iaitu insentif tambang pengangkutan untuk melakukan rawatan lanjut terutama sesi fisioterapi di Hospital Shah Alam.

Sementara itu, Zainab Ahmad, 60, yang menghidap kanser rahim tahap 1, bersyukur layak memperoleh PeKa B40, sekali gus sedikit sebanyak dapat menampung perbelanjaannya terutama dalam melengkapkan rawatan kanser selain kos pengangkutan.

Katanya, proses permohonannya tidak berjalan lancar seperti mana penerima lain, tetapi akhirnya layak selepas melakukan saringan kesihatan di klinik kesihatan yang disenaraikan.

"Saya tidak membuat pemeriksaan di klinik kesihatan disyorkan kerana ketika itu ia masih belum dapat dilakukan dan doktor meminta melakukan saringan kesihatan di klinik swasta tanpa membayar apa-apa," katanya.

Zainab mendapat rawatan awal di Hospital Selayang sebelum di-rujuk ke Hospital Kuala Lumpur untuk melengkapkan rawatan kanser, radioterapi.

Dia yang kini tinggal bersama adik angkatnya di Batu Caves, Selangor menerima tiga manfaat iaitu saringan kesihatan percuma, insentif melengkapkan rawatan kanser berjumlah RM300 dan insentif tambang pengangkutan berjumlah RM50.

“Terdapat 10 alat perubatan yang boleh dipohon”
Khairul Faizi

INFO

- Mula dilaksanakan 15 April 2019
- RM100 juta diperuntukkan melalui Belanjawan 2019
- Diuruskan oleh ProtectHealth Corporation Sdn. Bhd.
- 1,589 klinik swasta dan 893 Klinik Kesihatan KKM didaftarkan sebagai Klinik PeKa B40 (sehingga 30 November 2019)
- Untuk maklumat lanjut serta semakan kelayakan
 - Lawati www.pekab40.com.my
 - Lawati Facebook PeKa B40
 - Hubungi Pusat Khidmat Pelanggan PeKa B40 di talian 03-86872588

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 15

RUANGAN : NASIONAL

Tiga ubat kencing manis tidak berdaftar di Malaysia

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan (KKM) memaklumkan tiga ubat metformin untuk merawat kencing manis yang ditarik balik oleh pihak berkuasa Singapura adalah produk yang tidak berdaftar di Malaysia.

Ia berikutan kenyataan dikeluarkan oleh Health Science Authority (HSA), Singapura kelmarin bahawa produk tersebut Glucient XR Tablet 500mg, Meijumet Prolonged Release Tablet 750mg dan Meijumet Prolonged Release Tablet 1,000mg dikesan mengandungi bahan impuriti N-Nitrosodimethylamine (NDMA) melebihi paras yang diterima di peringkat antarabangsa.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah dalam kenyataannya berkata, ketiga-tiga produk tersebut dibekal oleh Glorious Dexa Singapore dan Pharmazen Medical PTE LTD.

"Semakan ke atas pangkalan data produk berdaftar Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) mendapati bahawa ter-

Bil	Nama Produk	Nombor Kelompok Dipanggil Balik	Pembekal
1.	Glucient XR Tablet 500mg	Satu kelompok: 2881382	Glorious Dexa Singapore
2.	Meijumet Prolonged Release Tablet 750mg	Semua kelompok	Pharmazen Medical Pte Ltd
3.	Meijumet Prolonged Release Tablet 1000mg	Semua kelompok	Pharmazen Medical Pte Ltd

Tiga jenis ubat yang ditarik balik oleh KKM.

dapat sejumlah 101 produk metformin yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD).

"Hanya produk-produk yang berdaftar dengan PBKD yang dibenarkan untuk dibekalkan kepada pesakit di Malaysia," katanya.

Beliau berkata, NDMA merupakan salah satu impuriti daripada kumpulan nitrosamine yang biasa ditemui pada paras yang rendah antaranya dalam makanan dan minuman tertentu, pencemar udara dan hasil daripada proses

pengilangan tertentu.

"Berdasarkan Agensi Antarabangsa bagi Penyelidikan Kanser Cancer (IARC), NDMA boleh meningkatkan risiko terjadinya kanser kepada pengguna dalam jangka masa panjang," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, NPRA akan menjalankan pemantauan secara berterusan bagi memastikan kualiti, keselamatan dan keberkesanan ubat-ubatan terjamin.

"KKM akan memaklumkan perkembangan kepada orang ramai dari masa ke masa," katanya.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 20

RUANGAN : VIEWS

Authorities must act fast in fighting dengue

I REFER to the comments made by Deputy Health Minister Dr Lee Boon Chye in Parliament on the sharp rise in the number of dengue cases in Malaysia. "Lee: We are reviewing fine on firms breeding mosquitoes" (*The Star*, Dec 3). He noted that the sharp rise in dengue cases was not confined to Malaysia but also affected neighbouring countries such as Singapore, the Philippines, Cambodia, Laos, Vietnam, China, and Taiwan, where the number of cases had increased by between one and eight-fold.

Malaysians must be sick and tired of government officials dishing out statistics and more statistics on dengue infections and how we are either better off or no worse off than neighbouring countries. What is the purpose of such information? What we want to know is what steps the government is taking to tackle the spread of this disease.

I personally have had two miserable experiences with the local authority when I reported the excessive presence of mosquitoes in my neighbourhood. The first time was a few years ago when I lodged a report about the drains in the back alleys of my housing area which were not cleaned regularly and were clogged with water. I even took photos and went personally to the local authority's office to report the problem, but no action was taken. Meanwhile, I landed up in hospital with dengue.

While I was warded, someone from the local authority telephoned me to say that the hospital had informed them about my admission for dengue and that workers were now in my area to check for the presence of mosquitoes!

Recently, I again detected an increase in the presence of mosquitoes in my area and duly lodged a report with the local authority. To their credit, local authority workers came a few days later, checked around my area and discovered two spots where mosquitoes were



breeding. The areas were immediately treated.

The workers then spotted mosquitoes breeding in pots in the compound of a house nearby, but the owner wasn't around to let them in. While talking to the local authority officer outside this house, we were both bitten by mosquitoes. The officer managed to kill some and told me that they were Aedes mosquitoes! I was handed some Abate, which I was asked to give to the house owner when he came back – and I did.

Despite the local authority's action, the volume of mosquitoes did not go down. I continued to call the local authority and even spoke to officers in the vector control department, but one week after the

last inspection, no one has bothered to come for a follow-up visit.

My complaints to the state representative also yielded no results.

As such, government officials like the deputy health minister should not blame only the public for being careless about cleanliness in their homes and surroundings. When members of the public lodge reports, please take action immediately to prevent the situation from getting out of hand. We can take care of our own premises but when others in the area do not cooperate, it is only the local authority that can take stronger action like issuing summonses and etc.

I frequently walk up and down the streets to take photos of garbage discarded by careless resi-

dents on the roadside. I send these photos to the person in charge of garbage collection and, thankfully, action is taken within 24 hours.

I read an article recently about the Singapore government investing S\$5mil to set up a new facility to breed five million Wolbachia-infected male mosquitoes a week and release them into the environment to eradicate mosquitoes.

Our deputy health minister said a similar scheme has been carried out in Malaysia but the mosquitoes were only released in 11 localities. Can we know where these localities are and when will the rest of the country get this treatment?

ALB
Petaling Jaya